

**Untuk Siaran Segera
28 April 2026**

PNB Raih Pensijilan WELL Platinum bagi Reka Bentuk Dalam Pejabat, Projek WELL Platinum Terbesar di Asia Tenggara

Kuala Lumpur, 28 April 2026: Permodalan Nasional Berhad (PNB) telah meraih Pensijilan WELL pada tahap Platinum bagi reka bentuk dalaman pejabatnya di bawah WELL Standard™ yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, dianugerahkan oleh International WELL Building Institute (IWBI), pihak berkuasa global dalam mentransformasikan kesihatan dan kesejahteraan di bangunan, organisasi dan komuniti. Pencapaian ini menandakan projek reka bentuk dalaman pejabat yang menerima Pensijilan WELL Platinum terbesar di Asia Tenggara.

Pensijilan ini dicapai menerusi kerjasama dengan rakan strategik kelestarian utama PNB, iaitu JLL Sustainability Consulting dan Airscan Malaysia, mencerminkan komitmen bersama dalam memperkukuh kesihatan tempat kerja serta prestasi alam sekitar selaras dengan piawaian global. Pensijilan ini juga melengkapi Pensijilan WELL Core Platinum yang telah dicapai oleh Menara Merdeka 118, bangunan yang menempatkan ibu pejabat PNB. Diiktiraf sebagai bangunan tertinggi di dunia yang menerima Pensijilan WELL Core Platinum, menara ini mewujudkan asas kukuh bagi persekitaran tempat kerja yang direka untuk mengutamakan kesihatan, kesejahteraan dan kelestarian.

Piawaian WELL merupakan rangka kerja yang diiktiraf di peringkat global, terdiri daripada strategi berasaskan bukti yang menyokong kesihatan dan kesejahteraan organisasi serta warga kerjanya merentasi 10 konsep iaitu udara, air, pemakanan, pencahayaan, pergerakan, keselesaan terma, bunyi, bahan, minda dan komuniti. Untuk memperoleh Pensijilan WELL pada tahap Platinum, iaitu tahap tertinggi, organisasi perlu memenuhi keperluan dokumentasi menyeluruh, ujian bebas di tapak serta

pengesahan prestasi yang ketat bagi memastikan persekitaran tempat kerja memenuhi kriteria kesihatan dan kesejahteraan yang boleh diukur.

Pensijilan WELL pada tahap Platinum ini mengukuhkan kedudukan PNB sebagai majikan yang mengutamakan kesihatan dan kesejahteraan warga kerja, di samping menerapkan amalan terbaik global dalam reka bentuk dan operasi tempat kerja. Ia juga menyerlahkan peranan PNB sebagai peneraju korporat yang memperjuangkan persekitaran mampan dan berteraskan insan yang menyokong penglibatan pekerja, kerjasama dan produktiviti. Pensijilan ini sejajar dengan agenda kelestarian dan modal insan PNB yang lebih luas, sekali gus memperkukuh komitmennya dalam memajukan kelestarian sosial sebagai teras utama penciptaan nilai jangka panjang.

Dato' Rick Ramli, Timbalan Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB berkata, "Pencapaian WELL Platinum menandakan satu mercu penting dalam perjalanan PNB untuk membudayakan kesihatan dan kesejahteraan dalam strategi tempat kerja kami. Sebagai projek reka bentuk dalaman pejabat dengan Pensijilan WELL Platinum terbesar di Asia Tenggara, pencapaian ini mencerminkan komitmen kami untuk menetapkan penanda aras bagi korporat Malaysia, di mana prestasi organisasi dan kesejahteraan pekerja bergerak seiring."

Jack Noonan, Naib Presiden Kanan dan Ketua Asia Pasifik di IWBI, mengucapkan tahniah kepada PNB atas pencapaian tersebut. "Apa yang dicapai oleh PNB bukan sekadar satu pencapaian kemudahan, malah ia merupakan isyarat jelas kepada pasaran bahawa kesihatan kini menjadi pembeza daya saing. Dengan meraih tahap tertinggi Pensijilan WELL bagi projek terbesar seumpamanya di rantau ini, PNB telah meletakkan asas organisasi berteraskan kesihatan dan kesejahteraan sebagai keutamaan kepada pekerja, dengan manfaat besar kepada prestasi perniagaan pada skala yang luar biasa. Tahniah kepada PNB atas pencapaian penting ini."

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad